

## Anjakan Paradigma Pembangunan FELDA: Menyeimbangkan Perlindungan Sosial dan Produktiviti dalam Mendepani Sindrom Kebergantungan

*(FELDA's Paradigm Shift: balancing Social Protection and Productivity in Facing Dependency Syndrome)*

Tuany bin Salih @ Juany bin Salleh<sup>1\*</sup>, Syahrudin Awang Ahmad<sup>2</sup> 

<sup>1</sup>Universiti Malaysia Sabah (UMS), Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Email: juanysalleh@gmail.com

<sup>2</sup>Universiti Malaysia Sabah (UMS), Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Email: syahag@ums.edu.my

### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Tuany bin Salih @ Juany bin Salleh  
(juanysalleh@gmail.com)

### KATA KUNCI:

FELDA  
Sindrom kebergantungan  
Bantuan bersyarat  
Produktiviti pertanian  
Kelestarian ekonomi

### KEYWORDS:

FELDA  
Dependency syndrome  
Conditional assistance  
Agricultural productivity  
Economic sustainability

### CITATION:

Tuany Salih, J. S., & Syahrudin, A. A. (2026). Anjakan Paradigma Pembangunan FELDA: Menyeimbangkan Perlindungan Sosial dan Produktiviti dalam Mendepani Sindrom Kebergantungan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(5), e003956.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i5.3956>

### ABSTRAK

Kajian ini meneliti impak sistem bantuan berstruktur terhadap komuniti peneroka di FELDA Umas, Tawau, khususnya dalam mencorakkan usaha berdikari dan motivasi produktiviti pertanian. Walaupun bantuan diperkenalkan sebagai mekanisme perlindungan sosial untuk menstabilkan pendapatan peneroka daripada ketidaktentuan harga komoditi global, timbul kebimbangan akademik mengenai potensi kewujudan dependency syndrome yang bersifat intangible dalam kehidupan seharian mereka. Berlandaskan perspektif pembangunan kritis, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan Perbincangan Kumpulan Fokus (PKF) dan Temu Bual Mendalam (TM) terhadap 31 orang informan yang terdiri daripada peneroka serta pihak pengurusan, selain penelitian ke atas dokumen dasar dan laporan tahunan FELDA. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sistem bantuan sedia ada berfungsi secara signifikan dalam mengurangkan tekanan kewangan dan mencegah kitaran kemiskinan tegar. Namun begitu, analisis mendapati wujud kecenderungan kebergantungan yang boleh merencatkan inisiatif peribadi sekiranya elemen prestasi tidak diintegrasikan dalam kerangka pemberian bantuan. Kajian ini berhujah bahawa bantuan tanpa syarat berisiko melunturkan semangat berdikari, sekali gus menghalang pembangunan modal insan yang progresif. Sehubungan dengan itu, kajian mencadangkan anjakan paradigma ke arah penstrukturan sistem bantuan yang lebih bersyarat dan berorientasikan hasil. Model baharu ini penting bagi mengimbangi keperluan perlindungan sosial dengan tuntutan produktiviti, demi menjamin kelestarian ekonomi jangka panjang serta memperkukuh martabat komuniti peneroka sebagai penggerak utama sektor pertanian negara yang berdaya saing. Penemuan ini memberikan

implikasi dasar yang penting bagi pihak pengurusan FELDA dalam merangka intervensi yang lebih efektif dan mampan pada masa hadapan.

### ABSTRACT

This study examines the impact of structured assistance systems on the settler community in FELDA Umas, Tawau, specifically in shaping self-reliance and agricultural productivity motivation. Although such assistance was introduced as a social protection mechanism to stabilize settlers' incomes against global commodity price volatility, academic concerns have emerged regarding the potential existence of an intangible "dependency syndrome" in their daily lives. Grounded in a critical development perspective, this study employs a qualitative approach involving Focus Group Discussions (FGD) and In-depth Interviews (IDI) with 31 informants consisting of settlers and management, in addition to an analysis of policy documents and FELDA's annual reports. The findings indicate that existing assistance systems function significantly in reducing financial pressure and preventing the cycle of extreme poverty. However, the analysis reveals a tendency toward dependency that may stifle personal initiative if performance elements are not integrated into the assistance framework. This study argues that unconditional assistance risks eroding the spirit of self-reliance, thereby hindering progressive human capital development. Consequently, this study proposes a paradigm shift toward a more conditional and result-oriented assistance system structure. This new model is crucial for balancing social protection needs with productivity demands, ensuring long-term economic sustainability, and strengthening the dignity of the settler community as primary drivers of a competitive national agricultural sector. These findings provide significant policy implications for FELDA management in designing more effective and sustainable interventions in the future.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini telah mendapati bahawa sistem bantuan tanpa syarat berisiko melunturkan semangat berdikari dan mencetuskan sindrom kebergantungan dalam kalangan peneroka FELDA Umas.

## 1. Pengenalan

FELDA yang ditubuhkan pada tahun 1956 merupakan manifestasi utama usaha kerajaan dalam membasmi kemiskinan luar bandar secara terancang. Bermula dengan pembukaan tanah FELDA pertama di Lurah Bilut, Pahang pada tahun 1958 sehinggalah perlindungan sosial dan meningkatkan hasil FELDA Sahabat di Sabah sebagai antara rancangan terkemudian, kini FELDA menguruskan sebanyak 317 buah rancangan di 11 buah negeri dengan populasi berjumlah 112,638 orang peneroka sejak awal penubuhannya. Penubuhan ini disahkan melalui Akta Kemajuan Tanah 1956 [Akta 474] (1956) yang menjadi landasan perundangan utama bagi pembangunan tanah dan penempatan semula. Sepertimana yang digariskan oleh Sulong (1985), model ini bukan

sekadar membangunkan infrastruktur, malah bertujuan mengubah pemikiran serta sikap peneroka ke arah komuniti berdisiplin dan berdaya saing. Selain itu, pengurusan tanah bagi memastikan produktiviti berterusan dikawal selia di bawah peruntukan Akta Kawasan Penempatan Berkelompok 1960 [Akta 530] (1960). Inisiatif perundangan ini menjadi tunjang kekuatan FELDA dalam memastikan agensi terus relevan sebagai instrumen pembangunan luar bandar yang paling berkesan sejak sekian lama.

Selaras dengan evolusi ekonomi global, pelbagai bentuk bantuan diperkenalkan bagi menjamin kesejahteraan hidup para peneroka. Setelah melangkaui tujuh dekad penubuhan, kini FELDA bukan sahaja dihuni oleh peneroka generasi pertama, malah telah berkembang merentasi generasi kedua, ketiga, dan keempat menjelang tahun 2026 yang kian rencam cabaran ekonominya. Namun, pemberian bantuan tanpa kerangka prestasi berisiko memupuk sindrom kebergantungan yang merencatkan motivasi kerja individu. Murray (1984) menekankan bahawa polisi sosial yang kurang tepat boleh melunturkan semangat berdikari secara tidak sengaja. Pandangan ini disokong oleh World Bank (1986) dan Barrett (2008), yang menyatakan bahawa penglibatan pasaran yang cekap sangat penting bagi memastikan peneroka berdikari tanpa kebergantungan melampau pada subsidi. Keadaan ini menuntut penilaian kritikal terhadap mekanisme pemberian bantuan supaya ia benar-benar berfungsi sebagai pemangkin kemajuan dan bukannya penghalang kepada inisiatif peribadi para peneroka.

Bagi menjamin kelestarian masa depan, satu anjakan paradigma ke arah sistem bantuan yang berorientasikan hasil adalah amat diperlukan. Hal ini turut ditekankan dalam *Kertas putih: Ke arah kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan* (Kementerian Ekonomi, 2019) yang menggariskan keperluan pemulihan tadbir urus bagi memastikan kelestarian agensi. Kajian ini bertujuan menganalisis peranan sistem bantuan di FELDA Umas serta mencadangkan model sokongan yang mengutamakan produktiviti. Usaha ini selaras dengan peranan Bahagian Kawal Selia Felda (2025) yang kini bertindak memantau tadbir urus agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk memastikan kebajikan peneroka terus terpelihara mengikut aspirasi negara (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, 2025). Transformasi tadbir urus ini adalah langkah strategik yang kritikal bagi mewujudkan ekosistem bantuan yang lebih mampan, berdaya saing, dan mampu memberikan pulangan ekonomi yang optimum kepada seluruh warga peneroka.

### 1.1. Latarbelakang Kajian

Rentetan daripada sejarah penubuhannya yang signifikan, FELDA berfungsi sebagai jentera utama dalam membasmi kemiskinan luar bandar melalui pembangunan tanah secara sistematik. Model pembangunan ini pada asalnya menumpukan kepada pembinaan infrastruktur dan pembentukan disiplin peneroka bagi menjamin keberhasilan ekonomi. Walau bagaimanapun, peredaran zaman menuntut anjakan paradigma dalam strategi perlindungan sosial seiring dengan ketidaktentuan harga komoditi global yang merencatkan kestabilan pendapatan isi rumah. Selaras dengan perkembangan tersebut, fenomena ini mencetuskan perdebatan akademik mengenai sejauh mana sistem bantuan berstruktur kekal relevan dalam membina daya tahan ekonomi komuniti peneroka tanpa menimbulkan ketidakseimbangan antara sokongan agensi dan inisiatif berdikari masyarakat.

Isu mendorong kepada usaha penyelidikan untuk membuat kupasan secara kritis dengan mendedahkan kewujudan *dependency syndrome* yang bersifat *intangibile*, di mana pemberian bantuan tanpa syarat berisiko melunturkan semangat keusahawanan dan

motivasi produktiviti individu. Pendekatan pembangunan yang tidak dirancang dengan teliti cenderung memupuk budaya menunggu yang merencatkan kreativiti ekonomi tempatan. Justeru, melalui kerangka pemikiran ini, kajian ini penting bagi mencadangkan penstrukturan semula sistem bantuan ke arah model bersyarat berasaskan prestasi yang lebih efisien. Transformasi ini perlu mendepani dilema perlindungan sosial dan tuntutan produktiviti bagi menjamin kelestarian ekonomi jangka panjang serta memperkukuh martabat peneroka sebagai penggerak utama sektor pertanian negara yang kompetitif.

## 1.2. Pernyataan Masalah

FELDA ditubuhkan sebagai model pembasmian kemiskinan yang cemerlang melalui pembangunan ladang komersial. Sulong (1985) menekankan bahawa kejayaan awal ini bersandarkan kepada usaha kolektif dan disiplin peneroka dalam mengubah sosioekonomi luar bandar. Namun, peredaran zaman membawa cabaran baharu apabila ketidaktentuan harga komoditi global memberi tekanan kepada pendapatan isi rumah. Kebergantungan kepada bantuan kerajaan kini dilihat sebagai keperluan utama bagi mengekalkan kestabilan hidup, sekali gus menimbulkan persoalan besar mengenai sejauh mana model asal ini masih kekal relevan dalam menangani isu ekonomi peneroka masa kini. Transformasi ekonomi ini menjadi penanda aras penting dalam menilai keberkesanan sistem bantuan berstruktur bagi memastikan tahap kehidupan peneroka kekal relevan dengan cabaran ekonomi semasa yang semakin mencabar.

Isu utama yang timbul adalah potensi berlakunya sindrom kebergantungan dalam kalangan peneroka yang menerima bantuan secara konsisten. World Bank (1986) menyatakan bahawa sistem sokongan yang berterusan boleh menjejaskan keupayaan peneroka untuk berdikari sepenuhnya jika tidak diuruskan dengan teliti. Keadaan ini menyebabkan elemen perlindungan sosial yang sepatutnya menjadi pemangkin, bertukar menjadi beban yang menghalang inisiatif peribadi. Tanpa mekanisme yang memacu produktiviti, peneroka berisiko terjebak dalam kitaran kemiskinan walaupun menerima bantuan kewangan yang besar setiap tahun daripada pihak agensi pengurusan FELDA. Kegagalan mengimbangi sistem sokongan dengan kerangka produktiviti yang jelas bukan sahaja menjejaskan daya saing peneroka, bahkan berpotensi meruntuhkan matlamat pembangunan sosioekonomi yang diimpikan sejak awal penubuhan agensi tersebut.

Perspektif pembangunan kritis menyokong kebimbangan ini apabila bantuan tanpa syarat didapati berpotensi melemahkan motivasi individu. Murray (1984) menjelaskan bahawa polisi bantuan yang tidak terikat dengan prestasi cenderung mengurangkan insentif produktiviti masyarakat sasaran. Hal ini disokong oleh Mkandawire (2005) yang menegaskan bahawa bantuan pukal tanpa mekanisme prestasi sering memerangkap komuniti dalam kitaran kebergantungan kronik. Selain itu, Ferguson (1994) berpendapat bahawa birokrasi pembangunan yang tidak tepat mampu menyumbang kepada pengabaian inisiatif individu. Justeru, elemen kebergantungan ini perlu dikaji bagi memahami impak sebenar terhadap produktiviti peneroka. Percanggahan antara keperluan kebajikan dan tuntutan produktiviti ini menuntut analisis mendalam agar setiap intervensi kerajaan benar-benar menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi yang mampan serta tidak mengurangkan daya usaha peneroka.

Akhirnya, kajian ini penting untuk mengenal pasti langkah transformasi bantuan yang lebih berorientasikan hasil. Easterly (2006) berpendapat bahawa bantuan luar yang

tidak dirancang dengan teliti mampu merencatkan kreativiti ekonomi tempatan melalui budaya menunggu. Hanushek (2013) pula mencadangkan agar intervensi modal insan diberi keutamaan untuk menjana impak yang lebih mampan. Oleh itu, peralihan daripada bantuan perlindungan kepada bantuan berasaskan prestasi adalah perlu bagi mengimbangi tuntutan kebajikan dan produktiviti. Kajian ini diharap dapat mencadangkan model bantuan baharu yang dapat memastikan kelestarian ekonomi jangka panjang di FELDA Umas. Melalui anjakan paradigma kepada bantuan berasaskan prestasi, diharapkan terciptanya persekitaran yang menggalakkan kecemerlangan ekonomi, sekali gus menjamin kelestarian FELDA Umas sebagai komuniti yang berdikari serta berdaya saing di peringkat nasional.

### 1.3. Persoalan Kajian

- i. Bagaimanakah peranan sistem bantuan yang disediakan oleh pihak FELDA mampu menjamin kestabilan ekonomi bagi para peneroka?
- ii. Sejauh manakah potensi kewujudan *dependency syndrome* atau sindrom kebergantungan dalam kalangan peneroka di FELDA Umas, Tawau?
- iii. Apakah bentuk model bantuan yang lebih berorientasikan kekuatan usaha dan mandiri yang boleh dicadangkan untuk mengekalkan perlindungan sosial tanpa menjejaskan insentif produktiviti peneroka.

### 1.4. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan dengan objektif berikut,

- i. Untuk menganalisis peranan sistem bantuan dalam menjamin kestabilan ekonomi peneroka.
- ii. Untuk menilai potensi kewujudan *dependency syndrome* dalam kalangan peneroka di FELDA Umas.
- iii. Untuk mencadangkan model bantuan yang lebih berorientasikan kekuatan usaha dan mandiri bagi mengekalkan perlindungan sosial tanpa menjejaskan insentif produktiviti.

## 2. Sorotan Literatur

Kajian mengenai keberkesanan program bantuan luar bandar sering kali dikaitkan dengan dilema antara perlindungan sosial dan kemandirian ekonomi. Murray (1984) dalam karyanya yang klasik membincangkan bagaimana polisi sosial secara tidak sengaja boleh mewujudkan insentif yang melemahkan motivasi kerja dalam kalangan golongan sasaran. Selaras dengan itu, World Bank (1986) dalam kajian khusus terhadap FELDA mendapati bahawa walaupun bantuan tanah berjaya mengurangkan kemiskinan, sistem sokongan yang terlalu lama boleh menjejaskan keupayaan peneroka untuk berdikari sepenuhnya. Cabaran ini turut disokong oleh Mkandawire (2005) yang menegaskan bahawa bantuan berterusan tanpa mekanisme prestasi sering kali memerangkap komuniti dalam kitaran kebergantungan. Justeru, pemahaman mendalam terhadap kesan bantuan ini amat kritikal bagi memastikan kelestarian sosioekonomi peneroka tidak terjejas dalam jangka masa panjang.

Dalam konteks pembangunan pertanian di Malaysia, Sulong (1985) menekankan bahawa pengurusan petempatan FELDA memerlukan keseimbangan antara sokongan infrastruktur dan pemerksaan modal insan. Selain itu, Ferguson (1994) melalui kajian antropologinya menyatakan bahawa intervensi pembangunan yang tidak dirancang

dengan teliti boleh menyebabkan depolitisasi dan pengabaian inisiatif individu dalam komuniti. Pandangan ini diperkukuh oleh Easterly (2006) yang berpendapat bahawa bantuan luar yang berlebihan cenderung mewujudkan budaya menunggu yang merencatkan kreativiti ekonomi tempatan. Oleh itu, pendekatan yang lebih berorientasikan hasil adalah perlu untuk mengelakkan kesan negatif terhadap motivasi kerja peneroka. Strategi ini penting bagi membolehkan peneroka mengurangkan pergantungan terhadap subsidi dan seterusnya meningkatkan tahap produktiviti ladang secara sendiri.

Penyelidikan global mengenai pembangunan manusia turut menegaskan kepentingan pendekatan bersyarat dalam pemberian bantuan. Menurut Hanushek (2013), intervensi kerajaan yang menumpukan kepada pembangunan modal insan memberikan impak yang lebih mampan berbanding pemberian subsidi secara pukal. Integrasi elemen ini dalam struktur bantuan FELDA bukan sahaja dapat mengurangkan sindrom kebergantungan, malah dapat memastikan kelestarian ekonomi peneroka untuk jangka masa panjang. Dengan mengimbangi perlindungan sosial dan tuntutan produktiviti melalui mekanisme yang efisien, FELDA dapat memastikan komuniti peneroka terus berdaya saing dalam industri perladangan moden yang semakin mencabar dan kompetitif. Peralihan kepada model bantuan yang berasaskan prestasi ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan agensi, malah secara tidak langsung memperkasakan martabat serta daya saing peneroka di peringkat global.

Sebagai rumusan, kajian-kajian lepas jelas membuktikan wujudnya dilema antara perlindungan sosial dan kemandirian ekonomi dalam pengurusan FELDA. Transformasi sistem bantuan daripada perlindungan pukal kepada bantuan bersyarat berasaskan prestasi merupakan pembolehubah kritikal dalam merungkai gejala sindrom kebergantungan yang melumpuhkan produktiviti. Integrasi modal insan yang holistik serta mekanisme sokongan berorientasikan hasil mampu memupuk motivasi kerja dan inisiatif individu yang lebih mampan. Oleh itu, sinergi antara kebijakan agensi dan daya saing peneroka amat penting bagi menjamin kelestarian ekonomi jangka panjang. Hal ini memastikan setiap intervensi bantuan benar-benar menjadi pemangkin kepada kemajuan, sekali gus mengangkat martabat komuniti sebagai penggerak utama sektor pertanian negara.

Kejayaan FELDA dalam mengurangkan kemiskinan tegar melalui subsidi adalah satu pencapaian yang tidak boleh disangkal. Namun, apabila berhadapan dengan ancaman sindrom kebergantungan, pengalaman negara lain dalam melaksanakan *Conditional Cash Transfers* (CCT) boleh dijadikan rujukan penting. Program seperti *Bolsa Família* di Brazil membuktikan bahawa pemberian bantuan yang disyaratkan dengan pencapaian atau penyertaan aktif mampu memecahkan kitaran kebergantungan secara lebih berkesan berbanding bantuan pukal tanpa syarat. Fiszbein dan Schady (2009) menegaskan bahawa reka bentuk bantuan yang teliti dapat mengubah penerima bantuan daripada menjadi "penerima pasif" kepada "pelabur modal insan" yang aktif dalam memacu ekonomi keluarga mereka sendiri.

### 3. Metod Kajian

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif untuk meneroka perspektif mendalam komuniti FELDA Umas, Tawau. Seramai 31 informan yang terdiri daripada peneroka berpengalaman dan pihak pengurusan FELDA dipilih secara bertujuan bagi memastikan data yang diperoleh bersifat komprehensif. Pemilihan ini kritikal untuk mewakili suara

pelbagai pihak berkepentingan dalam rancangan tersebut. Pendekatan ini membolehkan penyelidik memahami pengalaman hidup serta persepsi sebenar peneroka terhadap keberkesanan sistem bantuan yang diterima. Fokus utama penyelidikan adalah untuk mencungkil maklumat secara subjektif bagi mendapatkan gambaran yang jujur mengenai impak sebenar dasar bantuan sedia ada terhadap kehidupan harian mereka.

Proses pengumpulan data primer dilakukan melalui Perbincangan Kumpulan Fokus dan Temu Bual Mendalam pada 27 September 2025. Teknik ini merakam naratif autentik mengenai motivasi dan cabaran peneroka, terutamanya bagi kumpulan yang menetap sejak 1985 iaitu 20 tahun pasca-penyesuaian. Data berbentuk transkrip kemudian dianalisis secara tematik untuk mengkategorikan maklumat berkaitan budaya kebergantungan serta produktiviti pertanian. Analisis ini bertujuan melihat kesinambungan antara polisi kerajaan dengan perubahan tingkah laku peneroka. Hasil kajian ini diharapkan mampu memberikan bukti empirikal yang jelas bagi penambahbaikan dasar bantuan FELDA pada masa hadapan agar lebih berkesan dan mampan.

Analisis data kajian ini dilakukan melalui pendekatan pengekodan tematik bagi merungkai pola pemikiran informan mengenai bantuan FELDA. Data daripada transkrip temu bual dan perbincangan kumpulan fokus dianalisis dengan teliti untuk mengenal pasti kategori utama seperti budaya kebergantungan, motivasi produktiviti, dan persepsi terhadap polisi agensi. Proses ini selaras dengan metodologi kualitatif yang menekankan pemahaman mendalam terhadap naratif subjektif informan. Menurut Braun dan Clarke (2006), pendekatan analisis tematik yang sistematik membolehkan penyelidik menghubungkan pengalaman individu dengan struktur dasar yang lebih luas secara saintifik, sekali gus memberikan kesahihan kepada penemuan kajian ini dalam mendepani isu kebergantungan komuniti peneroka secara empirikal dan berstruktur.

Pemilihan informan kajian ini dilakukan secara bertujuan bagi memastikan data yang diperoleh bersifat komprehensif dan mewakili pelbagai pihak berkepentingan. Proses bermula dengan ketua blok menyenaraikan peserta berpotensi yang kemudiannya diperakukan oleh pihak pengurusan FELDA Umas untuk menjamin kesesuaian profil. Ciri-ciri informan merangkumi kepelbagaian personaliti peneroka merentasi semua generasi, bermula daripada peneroka asal yang menetap sejak tahun 1985 sehingga ke generasi keempat yang mendepani cabaran ekonomi tahun 2026. Selain itu, pemilihan ini turut mengimbangi wakil peneroka mengikut jantina dengan melibatkan kedua-dua lelaki dan wanita bagi membantu penyelidik merakam naratif subjektif yang jujur mengenai impak sistem bantuan.

Secara keseluruhannya, reka bentuk kualitatif yang diterapkan berjaya merungkai hubungan kompleks antara perlindungan sosial dan produktiviti dalam komuniti FELDA Umas. Penggunaan instrumen Perbincangan Kumpulan Fokus serta Temu Bual Mendalam bersama 31 informan telah membekalkan data empirikal yang mendalam mengenai sindrom kebergantungan sebagai pembolehubah kritikal dalam kajian ini. Analisis tematik mendedahkan bahawa walaupun bantuan sedia ada berupaya menstabilkan pendapatan isi rumah, namun kelemahan dalam integrasi elemen prestasi telah merencatkan motivasi berdikari peneroka secara signifikan. Justeru, dapatan ini memberikan rasional yang kukuh bagi merangka semula sistem bantuan berasaskan hasil yang lebih progresif, sekali gus memastikan modal insan peneroka kekal kompetitif serta berdaya saing dalam mendepani cabaran industri perladangan moden yang semakin mencabar dan kompetitif.

#### 4. Dapatan Kajian

Dapatan kajian mengenai keberkesanan bantuan FELDA terhadap kualiti hidup peneroka di FELDA Umas adalah agak menonjol dalam perbincangan kumpulan fokus dan temubual mendalam yang dikendalikan oleh penyelidik. Fokus diberikan kepada peranan pengurusan inklusif dalam memupuk perpaduan kaum, serta penekanan terhadap pentingnya usaha sendiri peneroka dalam meningkatkan produktiviti ladang. Hasil data kualitatif ini menjelaskan dinamika sokongan agensi dan tanggungjawab peneroka demi menjamin kelestarian ekonomi jangka panjang.

##### 4.1. Persepsi Peneroka Terhadap Keberkesanan Bantuan FELDA

Analisis terhadap data perbincangan kumpulan fokus mendapati bahawa bantuan yang diberikan oleh FELDA merangkumi pelbagai aspek yang signifikan dalam meningkatkan kualiti hidup peneroka. Informan menegaskan bahawa kemudahan yang disediakan, terutama dalam pendidikan dan perumahan, telah mengubah taraf hidup mereka secara drastik. Beliau menyatakan,

*"Felda yang memberi kemajuan untuk anak-anak peneroka. Felda membantu perbelanjaan persekolahan sehingga ke peringkat Universiti... Dalam Malaysia, Felda ini memang terbaiklah" (Transkrip PKF Tawau, 2025). Sentimen ini disokong oleh Responden 8 yang mengakui bantuan pendidikan seperti pinjaman tanpa faedah untuk anak-anak ke universiti adalah keistimewaan yang sukar diperolehi di tempat lain (Transkrip perbincangan kumpulan fokus mengenai evolusi komunikasi budaya, 2025).*

Pandangan informan ini sejajar dengan dua belas jenis bantuan komprehensif yang disediakan oleh FELDA (Jadual 1) yang memaparkan bentuk sokongan untuk menyokong kehidupan harian peneroka di FELDA Umas. Struktur bantuan ini merangkumi aspek kritikal seperti bantuan tanam semula, kewangan, pinjaman sara hidup serta kemudahan perumahan dan infrastruktur yang sistematik. Penyediaan bantuan yang meluas ini bertujuan memastikan kelangsungan operasi ladang dan kestabilan ekonomi isi rumah peneroka. Walau bagaimanapun, kepelbagaian bantuan tanpa syarat prestasi yang jelas dilihat berpotensi menyumbang kepada pembentukan budaya kebergantungan dalam jangka masa panjang.

Jadual 1: Diadaptasi daripada Unit Pembangunan Komuniti FELDA Wilayah Sahabat (2025)

Kategori Bantuan	Jenis Bantuan	Perincian dan Aspek Tumpuan
<b>Pembangunan Ladang &amp; Kewangan</b>	Bantuan Tanam Semula	Pembiayaan kos tanam semula sawit (benih, penyediaan tanah) dan khidmat nasihat teknikal.
	Bantuan Kewangan & Pinjaman	Pinjaman sara hidup (tanam semula), pembiayaan input (baja/racun), penjadualan semula hutang, dan insentif kecemasan.
	Sokongan Pemasaran &	Jaminan pembelian hasil, latihan pengurusan ladang moden, transformasi digital, dan sistem e-perolehan.

<b>Infrastruktur &amp; Kediaman</b>	Pengurusan	Penyediaan rumah generasi pertama/kedua dan penyelenggaraan infrastruktur awam (jalan, air, elektrik).
	Kemudahan Perumahan	Pinjaman antara RM10,000 hingga RM40,000 untuk pengubahsuaian rumah sedia ada.
	Pinjaman Renovasi Rumah	Biasiswa/dermasiswa Yayasan FELDA, bantuan persekolahan, program tuisyen, dan kemasukan ke IPT.
<b>Pendidikan &amp; Modal Insan</b>	Bantuan Pendidikan	Pinjaman RM2,400 per keluarga untuk pembelajaran anak dan keperluan digital semasa.
	Bantuan Komputer	
<b>Kebajikan &amp; Perlindungan Sosial</b>	Bantuan Kebajikan & Sosial	Bantuan kesihatan, sumbangan bencana, program pembangunan belia/wanita, dan latihan kemahiran.
	Khairat Kematian	Bantuan pengurusan jenazah segera (RM3,000) dan tuntutan tambahan waris (RM7,000).
	Tabung Kebajikan Khas	Bantuan tunai RM10,000 untuk rawatan penyakit kronik dan peralatan perubatan.
<b>Inisiatif Ekonomi MADANI</b>	Pembangunan Sosio-Ekonomi	Inisiatif Digital MADANI, subsidi infrastruktur, dan sumbangan kesihatan perubatan.

#### 4.2. Peranan Komunikasi dan Pengurusan dalam Menyatupadukan Kaum

Bagi aspek interaksi antara kaum, informan menjelaskan bahawa pengurusan yang inklusif adalah kunci perpaduan di FELDA Umas. Informan yang juga merupakan, seorang penyelia rancangan, berkongsi pengalaman bahawa kepercayaan peneroka terhadap pengurusan terbina apabila masalah diselesaikan secara sistematik melalui saluran yang betul seperti ketua blok, dan bukan dengan melangkaui prosedur.

*"Bila mana kita selalu bersama dengan peneroka, di situ peneroka ini akan rasa dihargai... segala permasalahan di peringkat peneroka ini akan merujuk dengan pihak rancangan terutamanya masalah diterangkan kepada pengurus rancangan dapat diselesaikan. Daripada itu, kepercayaan peneroka ini kepada pihak Felda semakin kukuh (Transkrip temu bual mendalam mengenai pengurusan FELDA Umas, 2025)."*

#### 4.3. Faktor Kelestarian dan Budaya Berdikari

Apabila ditanya mengenai faktor yang mendorong peneroka untuk terus kekal di rancangan, faktor ekonomi dan kemudahan asas menjadi keutamaan. Informan menyatakan bahawa kestabilan pendapatan bulanan walaupun bekerja di rumah menjadi pendorong utama bagi mereka untuk tidak mencari peluang di luar. Walau bagaimanapun, data temubual menunjukkan wujudnya kesedaran tentang perlunya

usaha sendiri di mana informan mengakui bahawa walaupun FELDA memimpin dari segi ekonomi dan sosial, peneroka perlu berusaha mencapai sasaran hasil ladang bagi mengelakkan hutang yang berpanjangan,

*"Sekiranya walaupun bilang sekarang keadaan dikacau gajah... bila hasil mencapai, pihak Felda ini tengok soal ekonomi perbelanjaan kami sebagai peneroka... kalau sekiranya dia tidak berusaha sampai memang buah yang boleh capai, paksa dia kutiplah (Transkrip temu bual mendalam mengenai pengurusan FELDA Umas, 2025)."*

Informan ini sebenarnya mengesyorkan bentuk bantuan tertentu seperti bantuan pendidikan sebagai salah satu komponen utama (*lihat lampiran 1 (Jadual 1)*) yang memberikan impak signifikan terhadap mobiliti sosial generasi kedua FELDA. Melalui dermasiswa Yayasan FELDA dan program kecemerlangan akademik, anak-anak peneroka berpeluang melanjutkan pelajaran sehingga ke menara gading. Selain pendidikan, bantuan kebajikan dan tabung khas untuk penyakit kronik turut menjamin kesejahteraan komuniti daripada tekanan kewangan yang melampau. Sokongan institusi yang menyeluruh ini membuktikan peranan FELDA sebagai mekanisme perlindungan sosial yang berkesan dalam membasmi kemiskinan tegar di luar bandar.

Selain itu, kewujudan sistem sokongan yang terkini dan dianggap relevan bermula daripada bantuan komputer sehingga inisiatif pembangunan sosio-ekonomi seperti Digital MADANI berjaya mengurangkan beban kewangan semasa turun naik harga komoditi sekaligus mewujudkan ketergantungan yang tinggi terhadap pengurusan FELDA. Penerokajuga cenderung merasa selesa dengan bantuan tetap seperti sumbangan Hari Raya dan khairat kematian. Oleh itu, anjakan paradigma ke arah sistem bantuan bersyarat adalah perlu bagi memastikan bantuan tersebut memacu produktiviti dan bukan sekadar perlindungan pasif.

Oleh itu, secara pragmatik, dapatan menunjukkan bantuan FELDA meningkatkan kualiti hidup, namun pengurusan inklusif dan budaya berdikari menjadi tunjang kelestarian jangka panjang. Integrasi sokongan agensi bersama usaha produktif peneroka adalah pemangkin utama dalam mendepani cabaran ekonomi serta memperkukuh keharmonian komuniti, sekali gus membuktikan bahawa model pembangunan holistik adalah kunci kejayaan FELDA Umas yang mampan.

## 5. Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sistem bantuan FELDA memainkan peranan kritikal sebagai jaring keselamatan sosial yang menstabilkan ekonomi peneroka di FELDA Umas. Sebagaimana yang ditekankan oleh Sulong (1985), model pembangunan FELDA pada asasnya direka untuk membasmi kemiskinan melalui sokongan input yang mampan. Dalam konteks semasa, bantuan kewangan dan subsidi pertanian bertindak sebagai penampan utama terhadap ketidakpastian harga komoditi global yang sering menghimpit pendapatan isi rumah peneroka. Justeru, keberkesanan bantuan ini terbukti dalam mencegah peneroka daripada terjatuh kembali ke dalam kitaran kemiskinan tegar, selaras dengan matlamat asal penubuhan FELDA dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar. Seterusnya, kestabilan ekonomi yang dijana melalui perlindungan sosial ini menjadi asas utama bagi memastikan kelangsungan hidup peneroka dalam menghadapi cabaran ekonomi yang kian mencabar.

### 5.1. Cabaran Sindrom Kebergantungan dan Motivasi Intrinsik

Analisis terhadap maklum balas peneroka membayangkan kewujudan gejala *dependency syndrome* yang semakin ketara. Merujuk kepada kerangka Murray (1984), pemberian bantuan tanpa syarat yang berterusan berisiko melunturkan semangat berdikari dalam kalangan komuniti. Fenomena ini turut disokong oleh Ferguson (1994) yang menegaskan bahawa kebergantungan terhadap agensi pembangunan boleh menyebabkan pengabaian inisiatif individu. Selain itu, menurut Easterly (2006), bantuan luar yang tidak dirancang dengan teliti cenderung mewujudkan budaya menunggu (*wait-and-see*) yang merencatkan kreativiti ekonomi tempatan. Sindrom ini sering berlaku apabila penerima bantuan merasa agensi kerajaan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kebajikan jangka panjang mereka. Fenomena ini menunjukkan bahawa pergantungan yang melampau terhadap sokongan pengurusan FELDA boleh menjadi faktor penghalang kepada pembangunan modal insan yang progresif dan berdaya saing di peringkat global. Oleh itu, budaya kebergantungan ini perlu ditangani dengan segera agar tidak menjadi barah yang membataskan potensi sebenar peneroka untuk meneroka peluang ekonomi baharu.

Fenomena "budaya menunggu" yang timbul dalam kalangan peneroka generasi kedua dan ketiga FELDA mencerminkan isu motivasi intrinsik yang kritikal. Menggunakan Teori Penentuan Kendiri (Self-Determination Theory), adalah jelas bahawa sokongan agensi yang berlebihan tanpa tuntutan prestasi boleh merencatkan autonomi individu. Apabila individu merasakan bahawa kebajikan mereka dijamin sepenuhnya tanpa usaha diri, inisiatif untuk meneroka peluang ekonomi baharu akan semakin malap. Deci dan Ryan (2000) berpendapat bahawa persekitaran yang tidak menggalakkan kecekapan peribadi akan melemahkan semangat berdikari, sekali gus menghalang perkembangan potensi modal insan yang kompetitif dalam mendepani cabaran industri perladangan moden yang semakin mencabar dan kompetitif pada tahun 2026.

### 5.2. Transformasi Strategik ke Arah Kelestarian Berasaskan Prestasi

Sehubungan dengan itu, hubungan antara produktiviti dan sistem bantuan perlu dianalisis secara lebih mendalam melalui lensa prestasi. Faktor kesejahteraan peneroka berkait rapat dengan keupayaan mereka untuk menguruskan ladang secara cekap, namun insentif produktiviti sering kali terabai dalam struktur bantuan sedia ada. Tanpa mekanisme yang mengikat bantuan dengan tahap pengeluaran atau KPI tertentu, peneroka cenderung untuk mengambil sikap selesa. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak bagi pihak pengurusan untuk mengubah pendekatan bantuan daripada bersifat "tangan terbuka" kepada "bantuan berasaskan prestasi" untuk memastikan setiap sen pelaburan kerajaan menjana pulangan yang kompetitif. Peralihan model ini adalah kunci utama bagi memupuk daya saing, di mana pengagihan bantuan mestilah berpaksikan kepada pencapaian produktiviti ladang yang konsisten bagi menjamin keberhasilan jangka panjang.

Bagi memastikan kelestarian FELDA Umas, bantuan masa depan perlulah beralih daripada pemberian tunai kepada "pakej teknologi" yang berasaskan agro-teknologi pintar. Integrasi penggunaan dron, sensor tanah IoT, dan sistem pengurusan ladang digital merupakan syarat KPI yang mampu meningkatkan produktiviti secara drastik. Perubahan ini bukan sahaja memodenkan sektor pertanian, malah menuntut peneroka untuk meningkatkan kemahiran teknikal mereka secara berterusan. Wolfert et al. (2017) menyatakan bahawa digitalisasi dalam pertanian membolehkan rantaian

bekalan yang lebih cekap dan responsif terhadap pasaran global, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada subsidi tradisional melalui pengoptimuman hasil ladang yang lebih tinggi dan mampan dalam jangka masa panjang.

Transformasi model bantuan FELDA ke arah mekanisme berasaskan prestasi adalah langkah strategik bagi mengelakkan sindrom kebergantungan kronik. Dalam sistem ini, pemberian bantuan kewangan atau subsidi tidak lagi diberikan secara pukal, sebaliknya diikat dengan indeks prestasi utama (KPI) yang jelas, seperti peningkatan hasil tan per hektar ladang. Model ini memaksa peneroka untuk lebih proaktif dalam pengurusan ladang bagi memenuhi syarat kelayakan bantuan, yang secara tidak langsung merangsang kreativiti ekonomi tempatan. Bardhan (2005) menyatakan bahawa insentif yang dikaitkan dengan prestasi adalah kunci utama dalam mengurangkan kegagalan birokrasi dan meningkatkan produktiviti dalam sektor pertanian, seterusnya menjamin kemampuan ekonomi peneroka di masa hadapan.

Analisis terhadap Akta Kemajuan Tanah 1956 [Akta 474] mendedahkan bahawa kerangka perundangan ini pada asalnya direka untuk pembangunan tanah secara berpusat bagi membasmi kemiskinan. Namun, menjelang tahun 2026, fleksibiliti dasar perlu ditingkatkan bagi membolehkan pengintegrasian bantuan berasaskan prestasi yang lebih dinamik. Dasar yang terlalu rigid sering kali menghalang agensi daripada menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran komoditi global yang pantas. Menurut Kelsall (2013), pembaharuan dasar yang berjaya dalam sektor pembangunan luar bandar memerlukan anjakan daripada model "perlindungan total" kepada model "pemeriksaan bersyarat" yang menggalakkan inisiatif individu dalam kalangan komuniti sasaran bagi memastikan kelestarian ekonomi jangka panjang.

Kerajaan masa kini menekankan bahawa kelestarian FELDA tidak seharusnya bersandar sepenuhnya kepada bantuan kewangan agensi, sebaliknya perlu dipacu oleh semangat keusahawanan dan daya saing peneroka. Dalam menyentuh perihal ini, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim, secara tegas menyatakan bahawa budaya kebergantungan melampau perlu dihentikan bagi mengangkat martabat warga peneroka. Beliau menegaskan bahawa, "Kita mesti mengubah budaya lama yang terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan, sebaliknya menanamkan semangat berdikari dan keupayaan untuk menjana pendapatan sendiri melalui hasil ladang yang lebih produktif" (Anwar, 2024). Pandangan ini selaras dengan matlamat kerajaan untuk mewujudkan ekosistem ekonomi yang lebih mampan, di mana setiap intervensi bantuan berfungsi sebagai pemangkin kecemerlangan, bukannya jaring keselamatan yang mematikan inisiatif individu.

Justeru, sebagai langkah ke hadapan, integrasi nilai-nilai MADANI dalam sistem pengurusan FELDA adalah wajar untuk memupuk budaya kerja yang lebih berdikari. Elemen daya cipta dan keyakinan perlu diserapkan ke dalam modul pembangunan peneroka bagi menggantikan budaya kebergantungan tradisional. Transformasi ini tidak bermakna penghentian bantuan, sebaliknya ia merupakan satu bentuk penstrukturan semula di mana bantuan berfungsi sebagai pemangkin (*catalyst*) bagi meningkatkan produktiviti. Dengan mengimbangi perlindungan sosial dan tuntutan produktiviti, FELDA dapat memastikan kemampuan ekonomi peneroka di samping mengekalkan martabat komuniti sebagai penggerak utama sektor pertanian negara. Justeru, sinergi antara sokongan agensi dan usaha gigih peneroka merupakan prasyarat mutlak bagi merealisasikan aspirasi pembangunan FELDA yang lebih dinamik, progresif, serta mampu berdikari sepenuhnya.

## 6. Kesimpulan

Kesimpulannya, sistem bantuan FELDA terbukti berkesan mengurangkan beban kewangan peneroka, namun cabaran sindrom kebergantungan menjadi pembolehubah kritikal yang menuntut perhatian serius. Perbincangan membuktikan bahawa perlindungan sosial tanpa mekanisme prestasi mampu merencatkan produktiviti dan inisiatif berdikari masyarakat. Oleh itu, pihak pengurusan FELDA perlu segera mentransformasikan bantuan sedia ada kepada model bantuan bersyarat berasaskan KPI produktiviti yang lebih dinamik dan telus. Langkah drastik ini bukan sahaja mampu membasmi budaya kebergantungan, malah menjadi pemangkin kepada pembangunan modal insan yang berdaya saing. Anjakan paradigma ini adalah langkah strategik bagi memastikan setiap intervensi kerajaan benar-benar menyumbang kepada kelestarian ekonomi jangka panjang, sekali gus membolehkan peneroka mendepani persaingan sektor pertanian moden dengan lebih yakin dan mandiri. Masa depan FELDA bergantung kepada kesediaan pihak pengurusan untuk menambah baik kerangka dasar yang lebih inklusif, mampan, dan responsif terhadap tuntutan ekonomi global yang semakin kompetitif, demi menjamin martabat serta kesejahteraan komuniti peneroka yang kekal unggul sebagai penggerak utama pertanian negara.

### **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Prosedur yang melibatkan informan manusia mengikut piawian etika Jawatankuasa Penyelidikan Universiti Malaysia Sabah. Persetujuan bertulis diperolehi daripada semua peserta FELDA Umas.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Penulis merakamkan penghargaan kepada Pengurusan FELDA Umas, Ketua **Peneroka**, Pengerusi GPW, Ketua Blok dan seluruh warga peneroka atas kerjasama menjayakan kutipan data kajian.

### **Kewangan (*Funding*)**

Penyelidikan berimpak tinggi ini dijalankan sepenuhnya menggunakan dana peribadi penulis tanpa menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan pihak luar.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Para penulis mengesahkan tiada sebarang konflik kepentingan dari sudut kewangan mahupun institusi dalam penghasilan artikel pembangunan luar bandar ini.

## Rujukan

- Akta Kawasan Penempatan Berkelompok 1960 [Akta 530]. (1960). *Warta Kerajaan Persekutuan*.
- Akta Kemajuan Tanah 1956 [Akta 474]. (1956). *Warta Kerajaan Persekutuan*.

- Anwar Ibrahim. (2024, Julai 7). *Ucapan sempena sambutan Hari Peneroka FELDA peringkat kebangsaan* [Ucapan]. Pejabat Perdana Menteri Malaysia. <https://www.pmo.gov.my/2024/07/ucapan-perdana-menteri-sempena-hari-peneroka-felda/>
- Bahagian Kawal Selia Felda. (2025). *Fungsi Bahagian Kawal Selia Felda*. Jabatan Perdana Menteri. <https://www.bksf.gov.my/fungsi/>
- Bardhan, P. (2005). *Scarcity, conflicts, and cooperation: Essays in the political and institutional economics of development*. MIT Press.
- Barrett, C. B. (2008). Smallholder market participation: Lowering transaction costs and narrowing margins. *Agricultural Economics*, 39(s1), 307–321. <https://doi.org/10.1111/j.1574-0862.2008.00336.x>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). The "what" and "why" of goal pursuits: Human needs and the self-determination of behavior. *Psychological Inquiry*, 11(4), 227–268. [https://doi.org/10.1207/S15327965PLI1104\\_01](https://doi.org/10.1207/S15327965PLI1104_01)
- Easterly, W. (2006). *The white man's burden: Why the West's efforts to aid the rest have done so much ill and so little good*. Penguin Books.
- Ferguson, J. (1994). *The anti-politics machine: "Development," depoliticization, and bureaucratic power in Lesotho*. University of Minnesota Press.
- Fiszbein, A., & Schady, N. R. (2009). *Conditional cash transfers: Reducing present and future poverty*. World Bank Publications. <https://doi.org/10.1596/978-0-8213-7352-1>
- Hanushek, E. A. (2013). Economic growth in developing countries: The role of human capital. *Economics of Education Review*, 37, 204–212. <https://doi.org/10.1016/j.econedurev.2013.04.005>
- Kelsall, T. (2013). *Business, politics, and the state in Africa: Challenging the orthodoxies on growth and transformation*. Zed Books. <https://doi.org/10.5040/9781350218888>
- Kementerian Ekonomi. (2019). *Kertas putih: Ke arah kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan*. Kerajaan Malaysia. <https://ekonomi.gov.my/sites/default/files/2020-08/Kertas%20Putih%20-%20Ke%20Arah%20Kelestarian%20Lembaga%20Kemajuan%20Tanah%20Persekutuan.pdf>
- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. (2025). *Mengenai FELDA: Sejarah dan peranan*. <https://www.felda.gov.my/umum/felda/mengenai-felda>
- Mkandawire, T. (2005). *Targeting and universalism in poverty reduction* (Social Policy and Development Programme Paper No. 23). United Nations Research Institute for Social Development (UNRISD). <https://digitallibrary.un.org/record/565413>
- Murray, C. (1984). *Losing ground: American social policy, 1950–1980*. Basic Books.
- Sulong Mohamad. (1985). *Petempatan FELDA: Perspektif perancangan bandar dan desa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Transkrip perbincangan kumpulan fokus mengenai evolusi komunikasi budaya di FELDA Umas* [Data mentah tidak diterbitkan]. (2025).
- Transkrip temu bual mendalam mengenai pengurusan FELDA Umas* [Data mentah tidak diterbitkan]. (2025).
- Wolfert, S., Ge, L., Verdouw, C., & Bogaardt, M. J. (2017). Big data in smart farming – A review. *Agricultural Systems*, 153, 69–80. <https://doi.org/10.1016/j.agsy.2017.01.023>

World Bank. (1986). *Federal Land Development Authority: Malaysian land settlement study* (Report No. 5625-MA). World Bank Publications. <http://documents.worldbank.org/curated/en/685951468274240751/Malaysia-Federal-Land-Development-Authority-FELDA-Land-Settlement-Study>